

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN

Pengenalan

Pada keseluruhannya, kebanyakan sampel dalam kajian ini meminati geografi sebagai satu mata pelajaran. Sebanyak 78.3% (n=141) daripada keseluruhan sampel berminat untuk mempelajari geografi. Hanya 21.7 % (n= 39) yang tidak berminat terhadap geografi. Rajah 4.1 menunjukkan taburan sampel mengikut minat mereka terhadap geografi .

Jadual 4.1
Taburan Sampel Mengikut Minat Pelajar Terhadap Geografi

Pelajar	Peratusan , %	Bilangan, n
Yang berminat	78.3	141
Yang tidak berminat	21.7	39
Jumlah	100.0	180

Sungguhpun semua pelajar tingkatan II diwajibkan untuk mempelajari (pelajar tidak diberi pilihan), tetapi 90.3% (n=84)

daripada sampel tingkatan II meminati geografi. Hanya 9.7% (n=9) yang tidak meminati geografi. Sebaliknya, sebanyak 65.5% (n= 57) daripada 87 pelajar tingkatan IV yang memilih geografi sebagai mata pelajaran elektif, yang meminati geografi. Yang baki 34.5% (n= 30) daripada 87 pelajar tingkatan IV, tidak berminat untuk membelajari geografi. Rajah 4.2 menunjukkan pecahan sampel mengikut minat dan tingkatan pengajian .

Jadual 4.2

Taburan sampel Mengikut Minat dan Tingkatan Pengajian Pelajar

Pelajar	% Tingkatan II (n)	% Tingkatan IV (n)	Jumlah Besar
Yang berminat	90.3 (84)	65.5 (57)	141
Yang tidak berminat	9.7 (9)	34.5 (30)	39
Jumlah	100 (93)	100 (87)	180

Analisis Persepsi

Perbincangan seterusnya dibuat mengikut lima soalan penyelidikan yang dikemukakan di halaman 9.

Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan ?

Jadual 4.3 menunjukkan persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap guru geografi mereka. Min skor guru oleh pelajar lelaki adalah 96.72 dan min skor oleh pelajar perempuan ialah 107.21 .Sisihan piawai oleh pelajar lelaki ialah 19.06 , manakala sisihan piawai oleh pelajar perempuan hanya 12.03.

Jadual 4.3

Jadual Deskriptif Skor Guru Geografi oleh Pelajar Lelaki dan Perempuan

Pelajar	Min	Sisihan piawai
Lelaki	96.72	19.06
Perempuan	107.21	12..03

Analisis data di bawah ini menunjukkan perbandingan skor guru oleh pelajar lelaki dan perempuan. Nilai ujian-t – 4.063 yang

ditunjukkan pada jadual 4.4 menunjukkan bahawa adanya perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan tentang guru geografi mereka .

Jadual 4.4
Ujian-t untuk Membandingkan Skor Guru Berasaskan Jantina Pelajar

Pelajar	Bilangan kes (n)	Min	Sisihan piawai	Nilai-t
Lelaki	54	96.72	19.06	-4.454**
Perempuan	126	107.21	12.03	

** $p < .01$

Jadual 4.5 di bawah menunjukkan ujian-t untuk ketiga-tiga kategori ciri pengajaran geografi. Min skor bagi kategori pengetahuan oleh pelajar lelaki ialah 23.83, manakala min skor untuk kategori yang sama oleh pelajar perempuan ialah 25.00. Sisihan piawai oleh pelajar lelaki ialah 4.5, manakala oleh pelajar perempuan ialah 3.33. Ujian-t menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Tetapi min skor untuk kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas oleh pelajar lelaki dan perempuan

masing-masing ialah 50.24 dan 56.99. Sisihan piawai untuk pelajar lelaki ialah 10.85 dan untuk perempuan ialah 7.36. Nilai-t – 4.856 menunjukkan adanya perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar yang berlainan jantina dalam kategori ini pada $p < .01$.

Bagi kategori sifat peribadi guru, min skor oleh pelajar lelaki dan perempuan masing-masing ialah 22.65 dan 25.22. Sisihan piawai untuk skor pelajar lelaki ialah 4.73 dan untuk pelajar perempuan ialah 3.58. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara skor pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 4.5

Ujian-t untuk Membandingkan Skor Guru Geografi bagi Ketiga-tiga Kategori Ciri Pengajaran Berasaskan Jantina Pelajar

Pelajar	Pengetahuan guru			Penyampaian guru			Sifat peribadi guru		
	Min	SP	Nilai-t	Min	SP	Nilai-t	Min	SP	Nilai-t
Lelaki	23.83	4.5	-1.930	50.24	10.85	-4.858**	22.65	4.73	-3.997
Perempuan	25.00	3.3		56.99	7.36		25.22	3.58	

SP = sisihan piawai

** $p < .01$

Adakah terdapat perbezaan persepsi pelajar terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar yang minat terhadap geografi dan pelajar yang tidak berminat?

Jadual 4.6 menunjukkan 141 responden yang berminat manakala 39 yang lain tidak berminat terhadap geografi. Min skor pengajaran guru yang diberi oleh pelajar yang berminat dengan pelajar yang tidak berminat terhadap geografi masing-masing ialah 106.61 dan 94.87. Sisihan piawai untuk kedua-dua kumpulan ini adalah 13.08 dan 18.74. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar yang berminat terhadap geografi dengan pelajar yang tidak berminat .

Jadual 4.6
Ujian-t untuk Membandingkan Skor Guru Geografi Berasaskan Minat Pelajar Terhadap Geografi

Pelajar	Bilangan (n)	Min	Sisihan piawai	Nilai-t
Yang berminat	141	106.61	13.08	4.483
Yang tidak berminat	39	94.87	18.74	

Jadual 4.7 di bawah menunjukkan ujian-t untuk ketiga-tiga kategori ciri pengajaran geografi bagi pelajar yang berminat

terhadap geografi dengan pelajar yang tidak berminat. Min skor bagi kategori pengetahuan guru oleh pelajar yang berminat ialah 25.32 , manakala min skor untuk kategori yang sama oleh pelajar yang tidak berminat ialah 22.23. Sisihan piawai oleh pelajar berminat ialah 3.20 , manakala oleh pelajar yang tidak berminat ialah 4.55. Ujian-t menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar yang berminat dengan yang tidak berminat.

Tetapi min skor untuk kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas oleh pelajar yang berminat dan yang tidak berminat masing-masing ialah 56.19 dan 50.54. Sisihan piawai untuk pelajar yang berminat ialah 7.95 dan untuk yang tidak berminat ialah 11.35. Nilai-t 3.555 adalah signifikan pada $p < .05$.

Bagi kategori sifat peribadi guru, min skor oleh pelajar yang berminat dan yang tidak berminat masing-masing ialah 25.10 dan 22.10. Sisihan piawai untuk skor guru oleh pelajar yang berminat ialah 3.82 dan oleh pelajar yang tidak berminat ialah 4.35. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara skor guru oleh pelajar yang berminat terhadap geografi dengan skor yang diberi oleh pelajar yang tidak berminat.

Jadual 4.7

Ujian-t untuk Membandingkan Skor Guru bagi Ketiga-tiga Kategori Ciri Pengajaran Berasaskan Minat Pelajar Terhadap Geografi

Pelajar	Pengetahuan guru			Penyampaian guru			Sifat peribadi guru		
	Min	SP	Nilai-t	Min	SP	Nilai-t	Min	SP	Nilai-t
Yang berminat	25.32	3.20	4.838	56.19	7.95	3.555*	25.10	3.82	4.202
Yang tidak berminat	22.23	4.55		50.54	11.35		22.10	4.35	

SP = sisihan piawai

* $P < .05$

Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran geografi di kalangan pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat ?

Jadual 4.8 menunjukkan perbandingan persepsi antara pelajar tingkatan II dan tingkatan IV terhadap guru geografi mereka. Min skor guru oleh pelajar tingkatan II ialah 104.83 dan sisihan piawai ialah 15.62. Manakala min skor guru oleh pelajar tingkatan IV ialah 103.25 dan sisihan piawai 14.84.

Nilai-t 0.693 adalah signifikan pada $p < .05$. Rumusan yang boleh dibuat ialah bahawa adanya perbezaan persepsi yang

signifikan di kalangan pelajar tingkatan II dan tingkatan IV terhadap guru mereka .

Jadual 4.8
Ujian-t untuk Membandingkan Skor guru Geografi Berasaskan
Tingkatan Pengajian Pelajar

Pelajar	Bilangan (n)	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t
Tingkatan II	93	104.83	15.62	0.693*
Tingkatan IV	87	103.25	14.84	

*p < .05

Jadual 4.9 di bawah menunjukkan ujian-t untuk ketiga-tiga kategori ciri pengajaran geografi bagi pelajar tingkatan II dan IV. Min skor bagi kategori pengetahuan oleh pelajar tingkatan II ialah 25.40 , manakala min skor untuk kategori yang sama oleh pelajar perempuan ialah 23.85. Sisihan piawai oleh pelajar tingkatan II ialah 3.70, manakala oleh pelajar perempuan ialah 3.65. Nilai-t yang didapati ialah 2.824 .

Ujian-t menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan bagi kategori pengetahuan di kalangan pelajar tingkatan II dan pelajar tingkatan IV .

Jadual 4.9

Ujian-t untuk Membandingkan Skor Guru bagi Ketiga-tiga Kategori Ciri Pengajaran Berasaskan Tingkatan Pengajian Pelajar

Pelajar	Pengetahuan guru			Penyampaian guru			Sifat peribadi guru		
	Min	SP	Nilai-t	Min	SP	Nilai-t	Min	SP	Nilai-t
Ting. II	25.40	3.70	2.824	54.52	9.23	-0.688	24.91	4.24	1.566
Ting. IV	23.85	3.65		55.45	8.93		23.95	3.95	

SP= sisihan piawai

Min skor untuk kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas oleh pelajar tingkatan II dan IV masing-masing ialah 54.52 dan 55.45. Sisihan piawai untuk pelajar tingkatan II ialah 9.23 dan untuk pelajar tingkatan IV ialah 8.93 . Nilai-t -0.688 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar yang berlainan tingkatan pengajian bagi kategori penyampaian guru.

Bagi kategori sifat peribadi guru, min skor oleh pelajar tingkatan II dan IV masing-masing ialah 24.91 dan 23.95 . Sisihan piawai skor guru oleh pelajar tingkatan II ialah 4.24 dan oleh pelajar tingkatan IV ialah 3.95. Ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi skor guru oleh pelajar tingkatan II dan IV.

Adakah terdapat perbezaan persepsi terhadap pengajaran guru geografi di kalangan pelajar yang berprestasi tinggi , sederhana dan rendah dalam mata pelajaran geografi?

Jadual 4.10 menunjukkan analisis satu hala ,ANOVA, yang menggunakan skor guru geografi sebagai pembolehubah bersandar dan gred pencapaian geografi pelajar sebagai pembolehubah tidak bersandar.

Analisis varians satu hala memberi F-ratio 11.147. Nilai ini adalah signifikan pada $p < .01$. Keputusan Scheffe menandakan min skor untuk guru geografi oleh pelajar cemerlang adalah jauh lebih tinggi daripada pelajar yang sederhana baik dan pelajar yang lemah. Min skor untuk guru geografi oleh pelajar cemerlang, sederhana dan lemah masing-masing adalah 111.49, 103.67 dan 96.83. Rumusan yang boleh dibuat ialah pelajar yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan geografi, lazimnya berpendapat guru mereka berkesan.

Jadual 4.10

Analisis Varians Satu Hala Skor Guru Geografi dengan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Geografi Pelajar

Sumber	Sum of squares	df	Mean squares	F Ratio
Antara kumpulan	4641.37	2	2320.69	11.147**
Dalam kumpulan	36849.83	177	208.19	
Jumlah	41491.200	179		

Ujian multiple range : Scheffe procedure

* Menandakan adanya perbezaan yang signifikan antara kumpulan-kumpulan pada $p < .05$

** Menandakan adanya perbezaan yang signifikan antara kumpulan- kumpulan pada $p < .01$

Min	Kumpulan	Kumpulan 1	Kumpulan 2	Kumpulan 3
111.49	Kumpulan 1			
103.67	Kumpulan 2	*		
96.83	Kumpulan 3	**	*	

Sejauh manakah pelajar menganggap guru geografi mereka sebagai berkesan ?

Skor maksima yang mungkin terdapat untuk 26 item dalam kajian ini ialah 130.0 dan skor terendah ialah 26. Dapatan kajian menunjukkan min skor guru geografi ialah 104.07. Manakala sisihan piawai ialah 15.22. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar sampel kajian ini mendapati guru geografi mereka adalah berkesan.

Skor maksima yang didapati dalam kajian ini ialah 129.0 dan skor minima hanya 33.0. Data ini menunjukkan ada segelintir responden berpendapat bahawa pengajaran geografi sangat memuaskan. Sebaliknya, ada sebilangan kecil pelajar mendapati pengajaran geografi sangat tidak memuaskan. Jadual 4.11 menunjukkan data deskriptif pengajaran geografi.

Jadual 4.11

Statistik Deskriptif tentang Pengajaran Geografi

Skor minima	Skor maksima	Skor min	Sisihan piawai
33.0	129.0	104.07	15.22

Setelah dikira min skor bagi kesemua item yang menggambarkan pengajaran geografi, ciri-ciri guru geografi boleh disusun mengikut tertib menurun seperti yang disenaraikan pada jadual 4.12 .

Jadual 4.12
Min Skor Ciri-Ciri Pengajaran Guru Mengikut Tertib Menurun

	Skor min	Kedudukan
Guru faham tentang sukatan pelajaran geografi di sekolah	4.40	1
Guru menggunakan contoh untuk menjelaskan konsep geografi	4.36	2
Guru selalu menyoal dalam kelas supaya pelajar berfikir	4.34	3
Guru menuliskan perkara-perkara utama pelajaran pada papan tulis	4.33	4
Guru bersikap sopan	4.29	5
Guru menggalakkan pelajar bertanya dalam kelas geografi	4.26	6
Guru melukis rajah/ peta pada papan tulis	4.21	7
Guru berminat untuk mengajar geografi	4.19	8
Guru sangat yakin untuk mengajar geografi	4.19	8
Guru faham tentang kehendak peperiksaan awam	4.16	10

Guru mengaitkan pelajaran lepas dengan pelajaran sekarang	4.15	11
Guru faham tentang fenomena alam	4.14	12
Guru sabar dengan pelajar yang lemah	4.13	13
Guru mempunyai pengetahuan yang luas tentang negara kita	4.09	14
Pengetahuan guru tentang peristiwa dunia adalah baik	3.98	15
Guru geografi memberi tumpuan kepada semua pelajar dalam kelas	3.92	16
Guru bersikap adil kepada semua pelajar	3.90	17
Pengetahuan guru sangat terkini	3.87	18
Guru memberi pujian / penghargaan kepada pelajar	3.80	19
Guru menggunakan alat bantuan mengajar (seperti glob, peta dan lain-lain) untuk menjelaskan konsep / fakta	3.78	20
Guru mengekalkan satu suasana pembelajaran yang menyeronokkan	3.76	21
Guru suka berjenaka	3.75	22
Guru mengaitkan pengetahuan geografi dengan kehidupan seharian	3.74	23
Guru menggalakkan pelajar memberi pandangan dalam kelas	3.68	24
Guru mengamalkan pelbagai kaedah pengajaran	3.50	25
Guru menjalankan perbincangan kumpulan dalam kelas	3.14	26

Mengikut persepsi pelajar, 5 ciri guru geografi yang lebih berkesan ialah :

- Guru faham tentang sukatan pelajaran geografi di sekolah
- Guru menggunakan contoh untuk menjelaskan konsep geografi
- Guru selalu menyual dalam kelas supaya pelajar berfikir
- Guru menuliskan perkara-perkara utama pelajaran pada papan tulis
- Guru bersikap sopan

Mengikut persepsi pelajar, 5 ciri guru geografi yang kurang memuaskan ialah (ikut tertib menurun) :

- Guru suka berjenaka
- Guru mengaitkan pengetahuan geografi dengan kehidupan seharian
- Guru menggalakkan pelajar memberi pandangan dalam kelas
- Guru mengamalkan pelbagai kaedah pengajaran
- Guru menjalankan perbincangan kumpulan dalam kelas

Antara ketiga-tiga kategori yang menggambarkan pengajaran geografi di sekolah , kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas merupakan peramal yang paling berkesan terhadap skor pengajaran guru. Ia memberi satu R

square change yang tinggi iaitu 0.893. Manakala kategori sifat peribadi guru memberi satu nilai yang kecil 0.080.

Jadual 4.13 menunjukkan satu analisis stepwise multiple regression yang dijalankan dengan menggunakan skor guru sebagai pembolehubah kriteria dan ketiga-tiga kategori ciri guru geografi sebagai peramal.

Jadual 4.13
Analisis Stepwise Multiple Regression yang Menggunakan Skor Guru sebagai Kriteria

Pembolehubah peramal yang signifikan	Multiple R	R square	R square change	Beta
Kaedah Penyampaian & kemahiran Pengurusan kelas	0.945	0.893	0.893	0.369
Sifat Peribadi guru	0.987	0.973	0.080	0.396
Pengetahuan Geografi Guru	1.000	1.000	0.027	0.246

Jadual 4.13 di atas menunjukkan bahawa kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas merupakan peramal tunggal yang paling baik untuk skor pengajaran geografi. Ia menyumbang kepada 89.3 % jumlah varians skor pengajaran

guru. Manakala 8% disebabkan oleh kategori sifat peribadi guru dan yang baki 2.7% disebabkan oleh pengetahuan geografi guru.

Jadual 4.14

Min Skor bagi Ketiga-tiga Kategori Ciri-ciri Pengajaran Guru

Kategori	Min Skor
Pengetahuan guru tentang geografi	4.108
Sifat peribadi guru	4.075
Kaedah penyampaian & kemahiran pengurusan kelas	3.926

Sungguhpun skor min untuk kategori pengetahuan geografi guru adalah tertinggi antara ketiga-tiga kategori ciri pengajaran guru, iaitu 4.1083 (lihat jadual 4.14), tetapi ia merupakan peramal yang paling tidak berkesan untuk meramal skor guru, tidak sampai 3% daripada jumlah varians skor guru (lihat jadual 4.13).

Sebaliknya skor min untuk kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas adalah terendah, 3.9262, tetapi ia menjadi peramal yang paling berkesan untuk meramal skor pengajaran guru. Kategori ini sendiri mewakili sebanyak 89% daripada jumlah varians skor guru.